

PERLAKSANAAN MATA PELAJARAN VOKASIONAL DAN KESANNYA TERHADAP KEMAHIRAN KEBOLEHPASARAN PELAJAR

PRAKAS RAO APPARAO, AB. RAHIM BAKAR & SOAIB ASIMIRAN

ABSTRAK

Artikel ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti samaada pelaksanaan Mata Pelajaran Vokasional (MPV) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), mampu menyediakan tenaga kerja sebagaimana yang dihasratkan program berkenaan. Objektif utama kajian yang dijalankan adalah untuk mengetahui status semasa para graduan aliran MPV iaitu, adakah mereka sedang bekerja, berniaga atau menyambung pelajaran, mengikut bidang MPV yang telah dipelajari atau sebaliknya. Faktor-faktor yang mempengaruhi status semasa para graduan aliran MPV turut dikaji. Selain itu, kajian ini juga mengenal pasti tahap kemahiran kebolehpasaran para graduan aliran MPV. Hasil kajian menunjukkan hanya 29% para graduan aliran MPV yang dikaji sedang bekerja, berniaga atau menyambung pelajaran mengikut bidang yang telah dipelajari. Lebih daripada separuh, iaitu 62% graduan aliran MPV yang dikaji, di dapati sedang bekerja, berniaga atau menyambung pelajaran tanpa mengikut bidang MPV yang telah dipelajari. Selebihnya, sejumlah 9% graduan aliran MPV yang dikaji pula, didapati sedang menganggur. Faktor utama yang dikenal pasti menjadi punca permasalahan ialah, faktor pemilihan pelajar yang tidak sesuai dengan sesuatu aliran MPV. Selain itu, faktor ketidaktentuan kerjaya dalam kalangan pelajar pada peringkat awal tingkatan empat, turut menyumbang kepada permasalahan ini. Faktor kekurangan maklumat dan pendedahan awal mengenai peluang-peluang pekerjaan, perniagaan dan menyambung pelajaran, turut menyebabkan para graduan aliran MPV memilih bidang-bidang yang berlainan daripada bidang yang telah dipelajari.

Kata Kunci: Mata Pelajaran Vokasional, Pelaksanaan, Sekolah Menengah Kebangsaan, Kemahiran Kebolehpasaran, Status Semasa

ABSTRACT

This article is intended to elicit whether the implementation of Vocational Subjects (MPV) in Secondary Academic Schools (SAS) was able to provide the desired workforce as aspired by the programme. The main objective of the study is to determine the current status of MPV graduates, by identifying whether these graduates are working, engaging in trading, or furthering their studies in accordance with their field of study (training) or otherwise. Factors influencing the current status of MPV graduates are also studied in depth. This study is also intended to identify the employability skills of the MPV graduates. The study shows that only 29% of the MPV graduates surveyed are working, in trading or furthering their studies in accordance with their former MPV studies. More than half, or 62% of this MPV graduates are working, in trading or furthering their studies in fields unrelated

to their MPV studies. The findings also show that 9% of the MPV graduates in this study are currently unemployed. Among the main factors identified to be the cause of this problem is inappropriate streaming process of students into MPV classes. In addition to that, career indecision among these students at form four levels also contributed to this problem. Lack of information on opportunities relating to work, trades or further studies also negatively influenced the MPV graduates decision in choosing fields that are unrelated to their prior MPV studies.

Keywords: Vocational Subjects, Implementation, Secondary Academic Schools, Employability Skills, Current Status

PENGENALAN

Pelaburan terpenting sesebuah negara menurut *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD), adalah dalam bidang pendidikan dan latihannya. Namun demikian, pelaburan dalam bidang pendidikan di kebanyakan negara tidak menghasilkan output seperti yang dihasratkan (OECD, 2003). Menurut Ab. Rahim (2011), Malaysia memerlukan 3 juta pekerja mahir menjelang tahun 2020 untuk memenuhi keperluan sebuah negara perindustrian sepenuhnya dengan rakyat berpendapatan tinggi, namun negara masih jauh daripada mencapai keperluan tenaga kerja yang diperlukan. Kunci utama pembangunan taraf kehidupan rakyat sesebuah negara adalah melalui penyediaan tenaga kerja yang mahir serta berpendapatan tinggi, ini dapat dilaksanakan melalui penekanan kepada sistem pendidikan teknikal dan vokasional negara berkenaan (Gray et al., 2009).

Mata Pelajaran Vokasional (MPV), merupakan suatu program yang mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 2002 untuk melahirkan tenaga kerja mahir dan separa mahir untuk keperluan perindustrian negara. Program ini telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) seluruh negara mulai tahun 2002. Mengikut perangkaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), sejumlah 29,150 graduan aliran MPV akan dihasilkan setiap tahun, iaitu setelah program ini dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2005 (PPK 2003). Apakah yang telah terjadi kepada graduan aliran MPV? Adakah mereka sedang bekerja, melanjutkan latihan atau memulakan perniagaan dalam bidang kemahiran yang dipelajari, seperti yang dihasratkan program ini? Apakah faktor-faktor yang mendorong atau menghalang seseorang graduan aliran MPV untuk meneruskan kerjaya, latihan lanjut atau memulakan perniagaan mengikut bidang MPV yang telah diikuti? Persoalan-persoalan ini, menjadi asas kajian yang dijalankan.

Dalam kajian ini, persepsi graduan aliran MPV mengenai pelaksanaan MPV dikaji terlebih dahulu melalui aspek kemudahan, guru MPV dan minat pelajar yang mengikuti aliran MPV. Persepsi graduan aliran MPV mengenai proses pengajaran dan pembelajaran sewaktu kelas MPV turut diselidiki dalam kajian ini. Tahap kemahiran employability para graduan aliran MPV turut dikenalpasti dalam kajian ini. Menurut Yahya et al. (2006), kemahiran kebolehpasaran merupakan

sesuatu faktor penting dan perlu dimiliki seseorang untuk membolehkan mereka menjadi individu yang terampil dan efektif dalam pekerjaan mereka. Selain pelaksanaan dan tahap kemahiran kebolehpasaran, kajian ini turut mengenal pasti status semasa graduan aliran MPV. Status semasa yang dimaksudkan ialah, bilangan graduan aliran MPV yang sedang bekerja, melanjutkan latihan atau yang sedang berniaga mengikut kemahiran yang telah dipelajari melalui aliran MPV yang telah diikuti.

Dalam fasa atau gelombang pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM), KPM berhasrat mengkaji atau menjalankan diagnostik secara menyeluruh terhadap sistem pendidikan negara. Fasa ini turut merangkumi tumpuan kepada prestasi pendidikan berdasarkan keberhasilan murid. Kajian mengenai pelaksanaan program MPV yang dijalankan ini, memberikan input berharga dalam dapatan fasa pertama PPPM yang sedang dilaksanakan. Keberhasilan murid melalui dapatan status semasa graduan aliran MPV, iaitu samaada mereka sedang bekerja, melanjutkan latihan atau sedang berniaga mengikut bidang yang dipelajari, akan memberikan gambaran serta input berharga mengenai salah satu program berbentuk vokasional yang telah dilaksanakan. Maklumat ini adalah penting untuk perancangan dan penambahbaikan sesuatu program berbentuk Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) yang sedang dan akan dilaksanakan pada masa yang akan datang.

Objektif umum kajian yang dijalankan adalah untuk mengenal pasti pelaksanaan MPV, status semasa dan kemahiran kebolehpasaran graduan aliran MPV. Pelaksanaan MPV dikaji berdasarkan model penilaian bilik darjah oleh Dunkin dan Biddle yang telah diubah suai. Model ini merangkumi aspek presage, konteks, proses dan produk. Untuk tujuan kajian ini, aspek presage dan konteks telah digabungkan dan dikenali sebagai aspek input. Aspek input dikaji berdasarkan faktor kemudahan, guru MPV dan minat pelajar yang mengikuti aliran MPV. Aspek seterusnya iaitu proses, dikaji melalui faktor pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Aspek produk pula dikaji melalui status semasa dan tahap kemahiran kebolehpasaran graduan aliran MPV. Secara khususnya, objektif kajian yang dijalankan adalah seperti berikut: (1) Mengetahui persepsi graduan aliran MPV terhadap proses pengajaran dan pembelajaran yang telah mereka lalui; (2) Membandingkan tahap kemahiran kebolehpasaran graduan aliran MPV mengikut jantina dan bidang pengajian mereka; (3) Mengetahui status semasa graduan aliran MPV mengikut tahap kemahiran kebolehpasaran mereka.

TINJAUAN LITERATUR

Falsafah Pendidikan Negara menggariskan bahawa, pendidikan di Malaysia merupakan satu usaha berterusan untuk mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu. Potensi individu ini terdiri daripada aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Falsafah pendidikan negara turut menggariskan bahawa, rakyat Malaysia perlulah berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia,

bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara (Falsafah Pendidikan Negara 1989).

Menyedari pelajar mempunyai potensi dan keupayaan berbeza-beza, suatu bentuk mata pelajaran berkonsepkan kemahiran iaitu untuk pelajar yang lebih cenderung kepada aktiviti hands-on telah diperkenalkan melalui MPV (Ahmad Sipon, 2001). Program MPV merupakan singkatan kepada 22 mata pelajaran elektif bercorak kemahiran pada peringkat tingkatan empat dan lima. Objektif utama program MPV diperkenalkan adalah untuk melahirkan pelajar berkemahiran dalam bidang perindustrian yang relevan. Hal ini adalah untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan, memulakan perniagaan atau meneruskan latihan pada peringkat yang lebih tinggi (PPK, 2001). Program MPV turut diperkenalkan untuk memberikan peluang yang luas kepada pelajar memilih mata pelajaran mengikut minat, bakat dan kecenderungan mereka.

Selain kemahiran teknikal yang dipelajari melalui sesebuah institusi, kemahiran kebolehpasaran sering dilihat sebagai kemahiran generik atau kemahiran khusus yang diperlukan dalam semua situasi pekerjaan. Kemahiran kebolehpasaran turut dianggap sebagai keperluan penting untuk membolehkan seseorang individu bertindak secara efektif dalam pekerjaan mereka. Kajian yang dijalankan Ahmad Zaini (2005), dalam Mohd Yusof et al. (2010) menyatakan bahawa, 80,000 graduan dalam bidang teknikal di Malaysia didapati sedang menganggur. Menurut beliau, permasalahan ini berpunca kerana para graduan hanya mengharapkan kelayakan akademik sahaja untuk mendapatkan pekerjaan berbanding keperluan kemahiran bukan teknikal atau kemahiran generik yang diperlukan pihak majikan.

Penekanan kemahiran kebolehpasaran telah lama diberi keutamaan di negara-negara maju dan mula berkembang di Malaysia sejak akhir-akhir ini (Rosini et al., 2008). Contohnya, Jabatan Buruh di Amerika Syarikat telah menubuhkan satu jawatankuasa iaitu, "The Secretary's Commission On Achieving Necessary Skills" (SCANS) pada tahun 1991. Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk mengkaji keperluan-keperluan kemahiran pekerjaan dan menerapkan kemahiran ini melalui pembelajaran di peringkat sekolah. Pendekatan workplace know-how oleh SCANS, diperkenalkan untuk menerapkan lapar kemahiran yang perlu dimiliki untuk bekerja dengan efektif dalam dunia pekerjaan masa kini dan akan datang.

Tujuan utama sesuatu program berbentuk vokasional dan teknikal diperkenalkan adalah untuk menyediakan tenaga kerja dalam sesuatu perindustrian atau bidang (Rosini et al., 2008). Namun demikian persoalannya adalah, adakah graduan sesuatu program PTV akan meneruskan kerjaya atau latihan dalam bidang yang dilatih? Menurut Gray et al. (2009), pelajar aliran PTV sering menukar aliran atau enggan bekerja mengikut bidang yang telah dilatih kerana kurang berminat dengan bidang kemahiran yang telah diikuti. Beliau turut menegaskan bahawa, permasalahan ini dapat dikurangkan sekiranya para pelajar ini dibimbing membuat

keputusan kerjaya yang betul dari peringkat awal lagi.

Kajian yang dijalankan oleh Rohana (2010), menunjukkan, 54.2% pelajar yang sedang mengikuti MPV pada peringkat tingkatan empat telah menyatakan bahawa, cita-cita mereka tidak seiringan dengan MPV yang sedang dipelajari. Kajian yang telah dijalankan Tin Sook Ting et al. (2009) pula mendapati, graduan aliran MPV yang dikaji tidak menceburi bidang pekerjaan yang relevan dengan kemahiran yang telah dipelajari. Apabila diselidiki dengan lebih lanjut, kumpulan pelajar yang telah ditemu bual beliau menyatakan bahawa, mereka tidak berkeyakinan dengan kemahiran yang dimiliki, dan merasakan perlu mempelajari kemahiran baru yang lebih kreatif.

Menurut Ab. Rahim (2011), ramai belia di Malaysia menginginkan pekerjaan yang mungkin tidak berkaitan dengan pekerjaan yang diperlukan negara. Hal ini berpunca daripada kekurangan maklumat dan pendedahan kerjaya yang diterima. Para pelajar di peringkat sekolah perlu diberikan maklumat yang jelas mengenai laluan dan juga pasaran pekerjaan yang terkini. Maklumat-maklumat ini adalah penting untuk membolehkan seseorang individu membuat pertimbangan pilihan kerjaya yang sesuai dengan kecenderungan dan keupayaan sendiri (Kuijpers et al., 2010).

Transisi dari sekolah ke alam pekerjaan bagi seseorang individu merupakan sesuatu proses yang kompleks, kerana melibatkan pelbagai faktor seperti pendidikan awal, latar belakang keluarga, sosioekonomi keluarga, ciri-ciri individu, dan pelbagai lagi (Shyamala et al., 2009). Grafton et al. (2008), turut menyatakan bahawa faktor-faktor seperti status sosial, sosioekonomi, tahap pendidikan, kecerdasan dan kesihatan, akan mempengaruhi minat kerjaya seseorang individu.

Menurut Amla (2010), setiap individu mempunyai orientasi, kekuatan dan kelemahan masing-masing, oleh yang demikian, kesedaran tentang perbezaan ini perlu difahami dan dihayati sepenuhnya. Negara-negara maju seperti Jerman, sangat memberi penekanan terhadap kaunseling dan kesedaran kerjaya sebelum seseorang pelajar dibenarkan mengikuti aliran atau jurusan yang khusus (Gray et al., 2009). Ujian kerjaya seperti Vocational Preference Inventory (VPI), Self Directed Search (SDS) dan Work Values Inventory, merupakan antara ujian-ujian minat dan personaliti yang sering digunakan untuk menentukan kecenderungan dan minat kerjaya seseorang individu (Rohany, 2008).

METODOLOGI

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk tinjauan. Dalam kajian ini, dua pendekatan pengumpulan data telah digunakan iaitu, secara kuantitatif yang diteguhkan melalui data berbentuk kualitatif. Data yang berbentuk kuantitatif telah dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik, manakala data berbentuk kualitatif dikumpulkan melalui temu bual. Soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai

demografi, status semasa, pelaksanaan MPV dan tahap kemahiran kebolehpasaran para graduan aliran MPV. Faktor-faktor yang mempengaruhi status semasa graduan aliran MPV ditentukan melalui kaedah temu bual.

Populasi kajian terdiri daripada 235 graduan aliran MPV yang telah menduduki peperiksaan SPM pada tahun 2010, di daerah Kinta Utara, Perak. Graduan aliran MPV dari tahun 2010 dipilih kerana mereka telah menerima keputusan peperiksaan SPM pada awal tahun 2011, ini akan memberikan mereka julat masa yang sewajarnya untuk mencari pekerjaan, berniaga atau menyambung pelajaran ketika kajian dijalankan iaitu, pada pentengahan tahun 2012.

Teknik persampelan rawak mudah digunakan untuk mengumpulkan data berbentuk kuantitatif dan persampalen bertujuan telah digunakan untuk mengumpulkan data berbentuk kualitatif. Terdapat lapan sekolah yang menawarkan MPV di daerah Kinta Utara sewaktu kajian dijalankan. Sekolah-sekolah yang terlibat, telah menawarkan sama ada satu atau dua MPV berdasarkan kelulusan yang diterima daripada pihak KPM.

Saiz sampel untuk kajian ini iaitu sejumlah 146 orang, ditentukan berdasarkan formula Krejcie dan Morgan (1970), dan Cochran (1977). Formula ini bertujuan mendapatkan saiz sampel yang dapat mewakili populasi pada aras keyakinan 95%. Sejumlah 156 responden daripada 235 graduan aliran MPV berjaya dihubungi melalui telefon dan pos. Sejumlah 103 graduan aliran MPV daripada kumpulan ini telah memulangkan soal selidik, iaitu 71% daripada bilangan sampel yang diperlukan. Kebanyakan ahli statistik menganggap kadar sampel melebihi 70% daripada kadar sampel asal adalah baik dan memadai untuk menjalankan analisis (Deborah, 2003). Sejumlah 23 graduan aliran MPV yang telah memulangkan soal selidik daripada pelbagai status semasa, turut telah ditemu bual untuk mendapatkan perincian yang lebih mendalam untuk menjawab persoalan-persoalan kajian.

Instrumen kajian yang terdiri daripada set soal selidik yang telah dibahagikan kepada lima bahagian kecil iaitu A, B, C, D dan E. Bahagian A adalah untuk mendapatkan maklumat latar belakang responden seperti jantina, MPV yang diikuti serta status semasa. Bahagian B pula adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai pelaksanaan MPV daripada aspek input. Aspek input akan melibatkan item mengenai faktor kemudahan, guru dan minat pelajar yang mengikuti aliran MPV. Terdapat 17 item dalam bahagian ini, iaitu enam item untuk faktor kemudahan, enam item untuk faktor guru dan lima item untuk faktor minat pelajar. Bahagian C soal selidik pula adalah mengenai aspek proses, yang merangkumi proses pengajaran dan proses pembelajaran di dalam bilik darjah. Terdapat 24 item untuk bahagian ini, iaitu 11 item untuk proses pengajaran dan 13 item untuk proses pembelajaran.

Dalam bahagian D pula, terdapat item-item yang mengukur tahap kemahiran kebolehpasaran responden. Item-item untuk bahagian ini telah diubah suai daripada

SCANS. Item-item daripada SCANS, telah dialih bahasa ke Bahasa Malaysia dan digunakan oleh Ab. Rahim dan Ivan (2007) untuk penyelidikan mereka. Kebenaran SCANS dan Ab. Rahim telah diperoleh untuk menggunakan item-item kemahiran kebolehpasaran sebagai sebahagian instrumen kajian. Komponen-komponen dalam bahagian kemahiran kebolehpasaran adalah kemahiran asas, kemahiran berfikir, kemahiran sumber/daya, kemahiran informasional, kemahiran interpersonal, kemahiran sistem dan teknologi, serta kualiti personal. Terdapat 40 item dalam bahagian ini.

Bahagian E pula merangkumi persoalan mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi status semasa iaitu untuk mengenalpasti responden yang sesuai untuk ditemu bual. Untuk sesi temu bual, satu protokol temu bual telah dibina untuk mendalami faktor-faktor yang mempengaruhi status semasa graduan aliran MPV. Untuk memudahkan pengumpulan dan pemprosesan data, item soal selidik untuk bahagian A, B, C dan D dibina menggunakan skala Likert yang melibatkan 5 peringkat. Untuk bahagian E, responden diminta menandakan pernyataan yang berkaitan dengan status semasa mereka sahaja.

Kebenaran pihak KPM melalui Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan telah diperoleh untuk menjalankan kajian. Kebenaran Jabatan Pelajaran Negeri Perak juga telah diperoleh sebelum memulakan penyelidikan. Untuk mendapatkan maklumat graduan aliran MPV, pengetua atau penolong kanan sekolah yang terlibat dengan kajian telah dihubungi. Tujuan kajian dijelaskan secara ringkas kepada mereka dan temu janji diperoleh untuk berjumpa pihak pentadbir dan guru MPV yang mengajar di sekolah berkenaan. Selepas berjumpa pihak pentadbir dan guru MPV, maklumat terperinci graduan aliran MPV bagi sesi 2010 telah diperoleh. Maklumat yang diperoleh melibatkan nama penuh, nama penjaga, jantina, kaum, alamat dan nombor telefon para graduan aliran MPV berkenaan.

Setelah semua maklumat graduan aliran MPV tahun 2010 diperoleh daripada pihak sekolah, para graduan ini dihubungi melalui telefon dan tujuan ringkas kajian dimaklumkan kepada mereka. Alamat terkini serta maklumat rakan-rakan lain terutamanya nombor telefon, diperoleh daripada mereka yang berjaya dihubungi. Kerjasama para graduan yang berjaya dihubungi dipohon untuk melengkapkan dan mengembalikan semula set soal selidik yang akan dihantar kepada mereka melalui pos. Sampul surat beralamat sendiri dengan stem disertakan untuk memudahkan responden memulangkan soal selidik. Wang tunai lima ringgit turut disertakan sebagai ganjaran responden memulangkan soal selidik. Menurut Ary et al. (2010), penggunaan wang ringgit sebagai ganjaran dapat meningkatkan kadar respon secara signifikan terutamanya kajian yang melibatkan pos. Responden turut digalakkan memberi pandangan secara jujur dan berterus terang. Soal selidik turut dihantar melalui pos kepada para graduan aliran MPV yang tidak dapat dihubungi melalui telefon, iaitu berdasarkan alamat terakhir mereka yang diperoleh daripada pihak sekolah.

Tempoh masa selama dua minggu diberikan kepada para responden untuk mengisi dan memulangkan semula soal selidik. Selepas tempoh itu, satu pesanan ringkas (SMS) melalui telefon dihantar sebagai peringatan kepada responden yang masih belum memulangkan soal selidik. Panggilan susulan melalui telefon dilakukan untuk responden yang masih belum memulangkan soal selidik selepas tiga minggu. Permasalahan responden yang tidak memulangkan soal selidik dikenal pasti dan cuba diatasi.

Berdasarkan maklumat yang diperoleh melalui soal selidik yang dipulangkan, beberapa graduan aliran MPV mengikut status semasa yang berlainan, dihubungi semula melalui telefon. Persetujuan mereka diperoleh untuk ditemu bual secara individu atau secara kumpulan kecil. Setelah tempat dan masa yang sesuai ditetapkan, sesi temu bual telah dijalankan. Untuk memudahkan proses penganalisan data dilakukan, temu bual dirakam setelah mendapatkan persetujuan para graduan aliran MPV yang terlibat dengan temu bual.

Data yang diperoleh daripada kajian dianalisis dalam dua peringkat yang berbeza. Analisis peringkat pertama yang berbentuk kuantitatif dijalankan berdasarkan soal selidik yang dipulangkan para responden. Analisis peringkat kedua yang berbentuk kualitatif pula melibatkan maklumat yang diperoleh melalui temu bual bersama beberapa graduan aliran MPV yang dipilih berdasarkan status semasa mereka.

Analisis peringkat pertama adalah berbentuk deskriptif dan inferensi yang melibatkan peratus, kekerapan, min, sisihan piawai, Ujian-t dan Ujian Khi Kuasa Dua. Analisis peringkat pertama ini telah dijalankan menggunakan perisian SPSS. Dapatan daripada temu bual yang dirakam telah ditranskripsi bagi membolehkan analisis berbentuk kualitatif seperti yang disyorkan oleh Creswell (2008) dijalankan. Untuk menjawab persoalan-persoalan kajian, tema utama daripada hasil temu bual telah dikenal pasti. Maklumat-maklumat yang diperoleh telah disusun berdasarkan faktor-faktor yang mempengaruhi status semasa responden.

Interpretasi skor min yang dicadangkan oleh Nunnally (1978), telah digunakan untuk menginterpretasi faktor-faktor dalam aspek input, aspek proses dan kemahiran kebolehpasaran. Ujian-t telah digunakan untuk menentukan perbezaan tahap kemahiran kebolehpasaran berdasarkan jantina graduan aliran MPV. Ujian Khi Kuasa Dua pula telah digunakan untuk menentukan perbandingan antara tahap kemahiran kebolehpasaran dengan status semasa dan bidang pengajian graduan aliran MPV. Magnitud hubungan telah diinterpretasi berdasarkan garis panduan oleh Green dan Salkind (1997). Tahap α bagi semua analisis telah ditetapkan pada aras 05.

HASIL KAJIAN

Sejumlah 103 graduan aliran MPV telah memulangkan soal selidik, iaitu 71%

daripada bilangan sampel yang diperlukan. Responden kajian terdiri daripada 44 (42.7%) lelaki dan 59 (57.3%) perempuan. Mereka adalah daripada kesemua lima bidang usaha MPV iaitu, ERT (55.4%), Pembuatan (18.4%), Pembinaan (12.6%), Teknotani (3.9%) dan Aplikasi Komputer (9.7%). Responden dalam bidang pengajian ERT telah mengikuti tiga jenis MPV iaitu, Katering dan Penyajian (41.8%), Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (8.7%), serta MPV Penjagaan Muka dan Dandan Rambut (4.9%). Responden dalam bidang Pembuatan pula telah mengikuti dua jenis MPV iaitu, Menservis Peralatan Elektrik Domestik (5.8%) dan Seni Reka Tanda (12.6%). Untuk bidang MPV ketiga iaitu Pembinaan, responden telah mengikuti MPV Pendawaian Domestik (12.6%). Bidang MPV keempat pula adalah Teknotani, di mana responden telah mengikuti MPV Landskap dan Nurseri (3.9%). Responden dalam bidang MPV yang kelima iaitu Aplikasi Komputer, telah mengikuti MPV Grafik Berkomputer (9.7%). Analisis data berbentuk kualitatif melalui temu bual turut telah dijalankan untuk menjawab persoalan-persoalan kajian yang melibatkan status semasa responden. Dapatan temu bual bersama 23 graduan aliran MPV daripada pelbagai status semasa dan MPV telah dianalisis secara terperinci.

Pelaksanaan MPV Daripada Aspek Input Dan Proses

Objektif dan persoalan kajian yang pertama adalah untuk mengenal pasti pelaksanaan MPV daripada aspek input dan proses. Aspek input dikaji berdasarkan faktor kemudahan, guru MPV serta minat pelajar yang mengikuti aliran MPV. Aspek proses pula dikaji berdasarkan faktor pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Jadual 1 menunjukkan tahap pelaksanaan MPV untuk tiga aspek input secara keseluruhannya. Dapatan kajian menunjukkan skor min yang tinggi untuk faktor guru ($M=4.38$, $SP=.51$) dan kemudahan ($M=4.35$, $SP=.47$). Skor min yang sederhana tinggi pula diperoleh untuk aspek input yang berkaitan faktor minat pelajar ($M=3.87$, $SP=.53$). Secara keseluruhan, purata aspek input berada pada tahap yang tinggi ($M=4.20$, $SP=.40$).

Jadual 1: Min Dan SP Faktor Kemudahan, Guru MPV, Serta Minat Pelajar yang Mengikuti Aliran MPV

Input	Min	SP
Kemudahan	4.35	0.47
Guru MPV	4.38	0.51
Minat Pelajar	3.87	0.53
Purata	4.20	0.40

Jadual 2 menunjukkan min proses pelaksanaan MPV secara keseluruhan yang melibatkan faktor pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Faktor pengajaran mempunyai skor min yang paling tinggi ($M=4.47$, $SP=.41$), diikuti

faktor pembelajaran yang turut mempunyai skor min yang tinggi ($M=4.32$, $SP=.40$). Secara keseluruhan, purata aspek proses berada pada tahap yang tinggi ($M=4.39$, $SP=.38$). Hal ini menunjukkan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas MPV telah membolehkan para responden memahami dan menguasai kemahiran berkaitan bidang MPV yang dipelajari.

Jadual 2: Min dan SP Faktor Pengajaran dan Pembelajaran

Proses	Min	SP
Pengajaran	4.47	0.41
Pembelajaran	4.32	0.40
Purata	4.39	0.38

Kemahiran Kebolehpasaran Responden

Objektif dan persoalan kajian yang kedua melibatkan aspek yang merangkumi tujuh komponen kemahiran kebolehpasaran. Tahap kemahiran kebolehpasaran responden berdasarkan tujuh komponen ditentukan terlebih dahulu secara umum, sebelum perbezaan berdasarkan jantina, bidang pengajian dan status semasa ditentukan.

Jadual 3 menunjukkan tahap kemahiran kebolehpasaran secara keseluruhan yang melibatkan tujuh kemahiran. Dapatan kajian menunjukkan skor min yang tinggi untuk kualiti personal ($M=4.18$, $SP=.43$), diikuti kemahiran interpersonal ($M=4.15$, $SP=.49$), kemahiran asas ($M=4.12$, $SP=.53$) dan kemahiran sumber/ daya ($M=4.00$, $SP=.49$). Skor min yang sederhana tinggi pula diperoleh untuk kemahiran berfikir ($M=3.87$, $SP=.53$), diikuti kemahiran sistem dan teknologi ($M=3.79$, $SP=.51$) serta kemahiran informasional ($M=3.76$, $SP=.60$). Purata skor min kemahiran kebolehpasaran responden didapati berada pada tahap yang tinggi ($M=4.01$, $SP=.41$). Secara keseluruhan responden didapati menguasai kemahiran kebolehpasaran. Namun demikian, penekanan perlu diberikan kepada komponen kemahiran kebolehpasaran yang memperoleh skor min pada tahap sederhana tinggi iaitu kemahiran berfikir, informasional serta sistem dan teknologi.

Jadual 3: Min dan SP Tahap Kemahiran Kebolehpasaran Responden

Kemahiran Kebolehpasaran	Min	SP
Asas	4.12	0.53
Berfikir	3.87	0.53
Sumber/Daya	4.00	0.49
Informasional	3.76	0.60
Interpersonal	4.15	0.49
Sistem dan Teknologi	3.79	0.51
Personal	4.18	0.43
Purata	4.01	0.41

Ujian-t telah digunakan untuk menentukan tahap perbezaan kemahiran kebolehpasaran mengikut jantina. Aras keyakinan telah ditetapkan pada .05. Dapatan analisis Ujian-t adalah seperti dalam Jadual 4. Dapatan analisis menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan untuk tiga jenis kemahiran kebolehpasaran dengan jantina iaitu, kemahiran asas [$t(101)=-2.31, p<.05$], kemahiran sumber/daya [$t(101)=-2.64, p<.05$] dan kemahiran interpersonal [$t(101)=-2.05, p<.05$]. Walau bagaimanapun, tidak terdapat perbezaan yang signifikan untuk skor min berdasarkan jantina untuk kemahiran berfikir [$t(101)=-.61, p>.05$], kemahiran informasional [$t(101)=-1.43, p>.05$], kemahiran teknologi [$t(101)=.01, p>.05$], kualiti personal [$t(101)=-1.75, p>.05$], dan kemahiran kebolehpasaran secara keseluruhannya [$t(101)=-1.87, p>.05$]

Jadual 4: Analisis Ujian-T terhadap Perbezaan Jenis Kemahiran Kebolehpasaran dengan Jantina

Aspek	Lelaki		Perempuan	
	Min	SP	Min	SP
Kemahiran Asas	3.99	0.59	4.22	0.46
Kemahiran Berfikir	3.83	0.58	3.89	0.49
Kemahiran Sumber/Daya	3.86	0.48	4.01	0.47
Kemahiran Informasional	3.67	0.66	3.84	0.54
Kemahiran Interpersonal	4.04	0.55	4.24	0.42
Kemahiran Sistem dan Teknologi	3.79	0.49	3.79	0.53
Kualiti Personal	4.10	0.43	4.24	0.42
Kemahiran Kebolehpasaran Secara Keseluruhan	3.92	0.44	4.07	0.38

Perbezaan tahap kemahiran kebolehpasaran dengan bidang pengajian responden ditentukan melalui Ujian Khi Kuasa Dua. Untuk memudahkan penganalisan, tahap kemahiran kebolehpasaran telah dikategorikan daripada lima kategori kepada hanya tiga kategori, iaitu tahap rendah, sederhana dan tinggi. Julat ditentukan dengan menolak skor min tertinggi iaitu lima, dengan skor min terendah iaitu satu, dan seterusnya dibahagikan dengan tiga, berdasarkan tiga kategori tahap yang telah ditetapkan (Pallant 2006). Tiga julat yang diperoleh adalah 1.00 hingga 2.33 untuk tahap rendah, 2.34 hingga 3.67 untuk tahap sederhana dan 3.68 hingga 5.00 untuk tahap tinggi. Jadual 5 menunjukkan keputusan analisis iaitu Pearson *Chi-Square*, $X^2 (4, N=103) = 9.626, df=4, p=.047$, Cramer's $V = .306$. Dapatan analisis ini menunjukkan terdapat korelasi yang sederhana antara tahap kemahiran kebolehpasaran dengan bidang pengajian responden. Hal ini bermakna tahap kemahiran kebolehpasaran responden kurang dipengaruhi oleh bidang pengajian yang telah diikuti.

Jadual 5: Keputusan Ujian Khi Kuasa Dua antara Tahap Kemahiran Kebolehpasaran dengan Bidang Pengajian Responden

Tahap Kemahiran Kebolehpasaran	Bidang					Jumlah
	ERT	Pembinaan	Pembuatan	Teknotani	Aplikasi Komputer	
Rendah	0 0.0%	0 0.0%	0 0.0%	0 0.0%	0 0.0%	0 0.0%
Sederhana	9 8.7%	4 3.9%	4 3.9%	3 2.9%	1 1.0%	21 20.4%
Tinggi	48 46.6%	9 8.7%	15 14.6%	1 1.0%	9 8.7%	82 79.6%
Jumlah	57 55.3%	13 12.6%	19 18.4%	4 3.9%	10 9.7%	103 100.0%

$$X^2(df=4, 103) = 9.626, p=.047, \text{Cramer's } V = .306$$

Status Semasa Responden

Objektif dan persoalan kajian yang ketiga adalah untuk mengenal pasti status semasa responden iaitu, bilangan graduan aliran MPV yang sedang bekerja, berniaga dan menyambung pelajaran mengikut dan tanpa mengikut bidang MPV yang dipelajari. Perincian Jadual 6 menunjukkan status semasa para responden kajian, 30 (29.1%) responden didapati sedang bekerja, berniaga atau menyambung pelajaran mengikut bidang MPV yang telah dipelajari. Responden yang sedang bekerja, berniaga dan menyambung pelajaran tanpa mengikut bidang bidang MPV yang dipelajari pula adalah seramai 64 (62.1%) orang. Sembilan (8.7%) responden didapati tidak berbuat apa-apa atau sedang menganggur. Secara keseluruhan, majoriti responden didapati tidak bekerja, berniaga atau menyambung pelajaran mengikut bidang MPV yang telah dipelajari.

Jadual 6: Status Semasa Responden

Status Semasa	Kekerapan	Peratus
Bekerja, berniaga, menyambung pelajaran mengikut bidang:		
Bekerja mengikut bidang	4	3.9
Berniaga mengikut bidang	2	1.9
Belajar mengikut bidang	24	23.3
Jumlah	30	29.1
Bekerja, berniaga, menyambung pelajaran tanpa mengikut bidang:		
Bekerja tanpa mengikut bidang	24	23.3
Berniaga tanpa mengikut bidang	3	2.9
Belajar tanpa mengikut bidang	37	35.9
Jumlah	64	62.1
Tidak berbuat apa-apa/menganggur	9	8.7
Jumlah	9	8.7
Jumlah Keseluruhan	103	100.0

Melalui temu bual, beberapa faktor utama telah dikenal pasti mempengaruhi status semasa responden. Antara faktor utama yang akan dibincangkan adalah pemilihan pekerjaan, peluang pekerjaan, maklumat kerjaya dan menyambung pelajaran, perniagaan dan faktor gaji. Persepsi para graduan aliran MPV yang masih menganggur turut akan dibincangkan dalam bahagian ini.

Pemilihan Pekerjaan

Responden yang memilih bekerja mengikut bidang MPV didapati meminati bidang MPV yang telah dipelajari. Sebilangan responden yang sedang bekerja mengikut bidang MPV menyatakan bahawa, mereka kurang cenderung untuk menyambung pelajaran atau latihan lanjut. Mereka lebih berminat untuk belajar sambil bekerja secara praktikal di tempat kerja. Kumpulan responden ini juga berasa yakin dapat mempertingkatkan kemahiran mereka di tempat kerja secara berperingkat-peringkat. Responden dalam kumpulan ini menyatakan bahawa mereka meminati aliran MPV yang diikuti, namun lebih meminati aktiviti amali berbanding proses dokumentasi sesuatu modul. Seorang responden yang ditemu bual telah menyatakan:

*...orang macam saya ni, walaupun tak pergi belajar di kolej semua, tetapi saya boleh belajar dekat sini (tempat kerja).
PP07G - Graduan aliran MPV Grafik Berkomputer.*

Seorang lagi responden yang ditemu bual turut menyatakan :

...dulu mula-mula kerja, basic lapan ratus sahaja, lepas pergi kursus semua, mula naik sikit-sikit (gaji), macam company saya ni, kalau nak belajar semua dia (syarikat) akan sponser... tetapi kena kontrak dengan dia la. LT01 - Graduan aliran MPV Menservis Peralatan Elektrik Domestik.

Kebanyakan responden yang memilih bekerja tanpa mengikut bidang MPV yang dipelajari, menyatakan bahawa mereka kurang meminati aliran MPV yang diikuti di sekolah dahulu. Mereka seterusnya memilih pekerjaan yang lebih sesuai dengan diri mereka setelah tamat persekolahan. Beberapa responden dalam kumpulan ini, turut didapati cenderung memilih pekerjaan yang berhampiran kediaman mereka setelah dipelawa rakan-rakan lain yang sedang bekerja. Seorang responden yang ditemu bual menyatakan:

...pelajar sekarang fikir satu sahaja...kalau nak belajar atau kerja, biar dekat rumah, biasanya perempuan...biar dekat dengan family. TD01 - Graduan aliran MPV Pendawaian Domestik.

Peluang Pekerjaan

Terdapat juga beberapa responden yang ditemu bual menyatakan bahawa mereka meminati pekerjaan berkaitan MPV yang dipelajari, namun mengalami kesukaran

untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai. Menurut responden ini, pihak industri yang berkaitan bidang MPV yang telah dipelajari mempunyai pekerja-pekerja sendiri yang kadang kala terdiri daripada pekerja asing. Terdapat juga industri tertentu yang beroperasi berdasarkan permintaan semasa sahaja seperti musim perayaan. Oleh yang demikian, pekerjaan dalam bidang MPV yang telah dipelajari adalah berbentuk sementara atau tidak tetap. Seorang responden apabila ditanya mengenai peluang pekerjaan menyatakan:

...tak mudah kerja ini (mengikut bidang MPV)...orang kedai biasa ada pekerja sendiri. AB16T – Graduan aliran MPV Seni Reka Tanda.

Maklumat Kerjaya dan Menyambung Pelajaran

Beberapa responden yang ditemu bual menyatakan bahawa, mereka tidak mengetahui peluang-peluang dan cabang-cabang pekerjaan yang berkaitan bidang MPV dipelajari. Terdapat juga segelintir responden yang ditemu bual, menyatakan bahawa mereka memilih bekerja atau menyambung pelajaran tanpa mengikut bidang MPV yang telah dipelajari, kerana mendapat keputusan peperiksaan yang kurang memuaskan dalam bidang MPV dipelajari.

Sebilangan responden yang sedang menyambung pelajaran tanpa mengikut bidang turut menyatakan bahawa, mereka telah memohon pengajian berkaitan bidang MPV yang telah dipelajari, namun ditawarkan bidang atau kursus pengajian yang lain. Oleh kerana bimbang tidak akan mendapat tawaran pengajian yang lain, mereka terus mengikuti program pengajian yang telah ditawarkan itu. Seorang responden menyatakan:

...dulu pegang kualiti, buat kek, dengan minyak masak semua... sekarang ni dengan minyak hitam pula ...tak pernah pegang papan LK (Lukisan Kejuruteraan), tiba-tiba kena pegang papan LK, kena belajar Autocad semua...memang susah... (graduan MPV Katering dan Penyajian ini, sekarang sedang mengikuti kursus Kejuruteraan Mekanikal di Politeknik). UK19K - Graduan aliran MPV Katering dan Penyajian.

Terdapat beberapa responden yang ditemu bual menyatakan bahawa, mereka kurang diberi pendedahan mengenai peluang-peluang pekerjaan serta institusi-institusi yang menawarkan latihan lanjut dalam bidang MPV yang telah dipelajari. Terdapat juga responden yang memilih pengajian tanpa mengikut bidang MPV yang dipelajari kerana keinginan ibubapa atau ahli keluarga, disamping memilih institusi latihan yang berhampiran dengan kediaman mereka.

Responden yang sedang menyambung pelajaran mengikut bidang MPV menyatakan bahawa, mereka meminati bidang MPV yang dipelajari di sekolah dahulu. Pada masa yang sama, kumpulan responden ini telah mendapat tawaran

untuk melanjutkan pelajaran mengikut bidang MPV yang telah dipelajari. Mereka juga turut mempunyai keputusan yang baik dalam peperiksaan SPM yang melibatkan mata pelajaran MPV dan mata pelajaran yang lain. Responden dalam kumpulan ini juga didapati mempunyai perancangan dan hala tuju yang jelas mengenai apa yang ingin dilakukan pada masa hadapan.

Perniagaan

Kedua-dua kumpulan responden, iaitu mereka yang sedang berniaga mengikut dan tanpa mengikut bidang MPV, apabila dihubungi terutamanya melalui telefon, telah menyatakan bahawa mereka sedang berniaga atau menguruskan perniagaan ahli keluarga atau saudara-mara mereka. Terdapat sebilangan kecil responden dalam kumpulan ini yang menyatakan bahawa, mereka mengikut aliran MPV setelah terpengaruh dengan perniagaan ahli keluarga yang turut berkaitan dengan bidang MPV yang ditawarkan di sekolah. Terdapat juga responden yang memilih menguruskan perniagaan ahli keluarga sahaja, kerana kurang berminat menyambung pelajaran.

Apabila ditanya mengenai keyakinan memulakan perniagaan, kebanyakan responden yang ditemu bual menyatakan bahawa, mereka hanya mempunyai gambaran asas mengenai aspek perniagaan yang dipelajari melalui topik Asas Keusahawanan. Seorang responden menyatakan:

...tak berapa yakin (untuk memulakan perniagaan), belajar basic-basic sahaja...macam cara nak tempah barang, invoice dan lain-lain. AB16T - Graduan aliran MPV Seni Reka Tanda.

... AB16T, tahu cara untuk dapatkan pinjaman atau cara nak mohon lesen perniagaan? (Penyelidik).

...masa kelas MPV dulu tak tahu, tetapi sekarang dah belajar masa tingkatan enam dalam kelas PP (Pengajian Perniagaan).

Kumpulan responden ini berasa kurang yakin untuk memulakan perniagaan sendiri kerana berpendapat, perkara yang dipelajari di sekolah mengenai perniagaan adalah sangat asas. Para responden ini juga telah menyatakan bahawa mereka perlu mencari pengalaman bekerja terlebih dahulu sebelum boleh memulakan perniagaan sendiri. Seorang responden menyatakan:

“...kalau nak modal semua (untuk memulakan perniagaan)... dia kena kerja 10 tahun dulu...baru boleh buka business sendiri. TD09 - Graduan aliran MPV Pendawaian Domestik”.

Gaji

Terdapat beberapa responden yang telah bekerja dalam bidang MPV yang dipelajari, namun pendapatan daripada pekerjaan berkenaan adalah rendah dan tidak memadai.

Mereka seterusnya memilih untuk bekerja di kilang-kilang yang berhampiran kediaman mereka untuk mendapatkan pendapatan yang lebih lumayan. Para responden ini seterusnya menyatakan bahawa, untuk mendapatkan gaji yang lebih tinggi dalam pekerjaan berkaitan bidang MPV dipelajari, mereka perlu melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Terdapat juga responden yang ditemu bual memilih pekerjaan lain daripada bidang MPV dipelajari untuk mendapatkan gaji yang lebih lumayan. Seorang responden telah menyatakan:

“Saya pernah cuba kerja pembantu tadika (mengikut bidang MPV yang telah dipelajari), tapi gaji sikit sangat..dua, tiga ratus sahaja...sebab masa tak lama (masa tadika beroperasi). Last-last kerja di kilang dekat rumah sahaja. JT07 - Graduan aliran MPV Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak”.

Menganggur

Sembilan responden (8.7%) yang telah dihubungi didapati sedang menganggur. Tiga daripada sembilan responden ini telah ditemu bual untuk mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh situasi mereka. Responden dalam kumpulan ini didapati tidak mempunyai gambaran jelas mengenai apa yang ingin mereka lakukan. Mereka tidak mempunyai perancangan dan pendirian yang kukuh mengenai hala tuju selepas menamatkan pengajian di peringkat sekolah menengah. Seorang responden menyatakan:

..banyak dah (mencari kerja), hari tu mintak dekat taska...lepas tu fikir balik, kalau tak dapat kerja, nak pergi kelas make-up... baru-baru ni, saya ada minta KTM nak jadi pramugari, tapi dia (KTM) nak BI (Bahasa Inggeris) kredit, BI tu yang masalah. UK02K - Graduan aliran MPV Katering dan Penyajian.

Para responden dalam kumpulan ini telah menyatakan bahawa mereka ingin bekerja dan tidak berminat untuk menyambung pelajaran atau berniaga, namun terlalu bergantung kepada pihak lain seperti ibu bapa atau ahli keluarga untuk mendapat pekerjaan yang sesuai untuk mereka.

Status Semasa Berdasarkan Tahap Kemahiran Kebolehpasaran

Perbezaan antara status semasa dengan tahap kemahiran kebolehpasaran turut ditentukan melalui Ujian Khi Kuasa Dua. Jadual 7 menunjukkan keputusan analisis iaitu *Pearson Chi-Square*, $X^2(2, N=103) = 1.493$, $df=2$, $p=.474$, Cramer's $V = .120$. Dapatan analisis menunjukkan terdapat korelasi yang kecil antara tahap kemahiran kebolehpasaran dengan status semasa responden. Hal ini bermakna status semasa responden kurang dipengaruhi oleh tahap kemahiran kebolehpasaran mereka.

Jadual 7: Keputusan Ujian Khi Kuasa Dua antara Status Semasa dengan Tahap Kemahiran Kebolehpasaran Responden

Status Semasa	Tahap Kemahiran Kebolehpasaran			Jumlah
	Rendah	Sederhana	Tinggi	
Mengikut bidang	0 0.0%	7 6.8%	23 22.3%	30 29.1%
Tanpa mengikut bidang	0 0.0%	11 10.7	53 51.5%	64 62.1%
Tidak berbuat apa-apa	0 0.0%	3 2.9%	6 5.8%	9 8.7%
Jumlah	0 0.0%	21 20.4%	82 79.6%	103 100.0%

$$X^2(df=2, 103) = 1.493, p=.474, \text{Cramer's } V = .120$$

Perbincangan

Pelaksanaan MPV dikaji berdasarkan model penilaian bilik darjah Dunkin dan Biddle yang telah diubah suai untuk melibatkan tiga aspek iaitu, input, proses dan produk. Aspek input terdiri daripada faktor kemudahan, guru MPV dan minat pelajar yang mengikuti aliran MPV. Aspek proses pula merangkumi faktor pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Min tahap pelaksanaan MPV daripada aspek input dan proses secara umumnya berada pada tahap yang tinggi. Walau bagaimanapun, min faktor minat pelajar yang mengikuti aliran MPV untuk aspek input, hanya berada pada tahap sederhana tinggi.

Tahap kemahiran kebolehpasaran para graduan aliran MPV secara keseluruhan berada pada tahap yang tinggi. Namun demikian dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kemahiran kebolehpasaran dengan jantina dan bidang pengajian graduan aliran MPV. Hasil kajian turut menunjukkan hanya 30 (29.1%) graduan aliran MPV didapati sedang bekerja, berniaga atau menyambung pelajaran mengikut bidang MPV yang telah dipelajari. Sejumlah 64 (62.1%) graduan aliran MPV pula didapati sedang bekerja, berniaga atau menyambung pelajaran tanpa mengikut bidang MPV yang telah dipelajari. Terdapat juga sembilan (8.7%) graduan aliran MPV yang didapati tidak berbuat apa-apa atau sedang menganggur. Hasil temu bual menunjukkan terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi status semasa para graduan aliran MPV ini. Dapatan kajian turut menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara status semasa dengan tahap kemahiran kebolehpasaran graduan aliran MPV. Berikut dibincangkan dengan lebih mendalam faktor-faktor yang mempengaruhi status semasa para graduan aliran MPV ini.

Hasil temu bual yang dijalankan menunjukkan, graduan aliran MPV yang memilih untuk bekerja dan menyambung pelajaran mengikut bidang MPV, sangat meminati bidang tersebut. Graduan aliran MPV yang sedang bekerja mengikut

bidang didapati kurang cenderung untuk melanjutkan pelajaran, sebaliknya telah memilih untuk bekerja. Graduan aliran MPV dalam kumpulan ini turut bercadang untuk meningkatkan kemahiran diri sambil bekerja. Pencapaian peperiksaan SPM graduan aliran MPV yang sedang bekerja ini juga didapati hanya berada pada tahap yang sederhana.

Graduan aliran MPV yang sedang menyambung pelajaran mengikut bidang MPV pula didapati, telah memperoleh keputusan peperiksaan SPM yang baik dalam MPV serta mata pelajaran yang lain. Kebanyakan graduan aliran MPV dalam kumpulan ini, turut telah menerima tawaran belajar dari institut pengajian awam tempatan dan swasta. Tawaran belajar yang diberikan juga adalah seiringan dengan bidang MPV yang telah dipelajari.

Para pelajar yang kurang berminat dengan MPV yang dipelajari telah memilih pekerjaan atau menyambung pelajaran berdasarkan minat dan kecenderungan mereka. Terdapat juga segelintir graduan aliran MPV memilih pekerjaan serta melanjutkan pelajaran berdasarkan kehendak ibu bapa, serta lokasi tempat bekerja atau institusi pengajian yang berhampiran kediaman mereka.

Program MPV tertentu seperti Pendawaian Domestik, Katering dan Penyajian, serta Grafik Berkomputer, didapati mempunyai cabang atau bidang pekerjaan dan pengajian yang lebih luas, serta ditawarkan di pelbagai peringkat dan institusi. Para pelajar yang mengikuti MPV yang dinyatakan ini, mempunyai peluang-peluang pekerjaan dan menyambung pelajaran yang lebih luas berbanding MPV yang lain. Pelajar yang mengikuti MPV seperti Seni Reka Tanda, Landskap dan Nurseri, serta Penjagaan Muka dan Dandan Rambut, didapati mempunyai peluang yang terhad untuk menyambung pelajaran atau latihan. Institusi pengajian yang menawarkan latihan dalam bidang-bidang MPV yang telah dinyatakan ini juga adalah terhad.

Terdapat juga situasi graduan aliran MPV yang ditawarkan latihan lanjut dalam bidang yang berlainan daripada bidang MPV yang telah dipelajari. Hal ini mungkin berlaku kerana keputusan peperiksaan MPV para graduan berkenaan yang kurang memuaskan dalam peperiksaan SPM. Terdapat juga situasi graduan aliran MPV yang memperoleh keputusan peperiksaan yang baik dalam bidang MPV diikuti, namun pencapaian dalam mata pelajaran yang lain adalah kurang memuaskan. Pencapaian dalam kombinasi atau elektif lain yang lemah, menyebabkan para pelajar ini gagal melanjutkan pelajaran dalam bidang MPV yang telah dipelajari. Pengambilan mata pelajaran secara minima untuk pelajar aliran MPV, iaitu dengan hanya satu atau dua elektif termasuk MPV yang diikuti, telah mengurangkan peluang mereka untuk melanjutkan pelajaran.

Walaupun MPV merupakan mata pelajaran yang berbentuk kemahiran atau ketukangan, peluang melanjutkan pelajaran atau latihan kumpulan pelajar ini, tetap bergantung kepada pencapaian akademik seperti dalam peperiksaan

SPM. Kebanyakan graduan aliran MPV yang ditemu bual berasa tidak yakin boleh mendapatkan pekerjaan yang sesuai melalui sijil kompetensi dan dokumentasi yang dimiliki setelah melengkapkan sesuatu modul. Ketiadaan badan-badan induk seperti Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK), untuk menyelia dan mengiktiraf sijil-sijil yang dikeluarkan pihak sekolah kepada pelajar MPV, menimbulkan persoalan sejauh mana sijil kompetensi yang dikeluarkan pihak sekolah akan diiktiraf oleh pihak majikan.

Selain faktor-faktor yang telah dinyatakan, para graduan aliran MPV juga didapati perlu bersaing dengan para graduan aliran PTV yang lain untuk menyambung pelajaran atau latihan mereka. Hal ini adalah kerana graduan dari Sekolah Menengah Teknik atau Vokasional, turut mengikuti bidang-bidang kemahiran tertentu, yang mirip kepada program MPV. Beberapa graduan aliran MPV yang sedang melanjutkan pelajaran tanpa mengikut bidang yang telah dipelajari, melahirkan rasa kecewa kerana tidak berjaya menyambung pelajaran dalam bidang MPV yang dipelajari, walaupun meminati bidang MPV berkenaan.

Faktor kurangnya pendedahan di kalangan graduan aliran MPV mengenai peluang-peluang pekerjaan dan melanjutkan pelajaran berkaitan bidang yang telah dipelajari, turut mempengaruhi keputusan mereka memilih bidang pekerjaan dan latihan yang berlainan. Terdapat graduan aliran MPV yang ditemu bual melahirkan rasa tidak yakin atau tidak pasti mengenai apa yang harus dilakukan selepas tamat tingkatan lima, terutamanya golongan graduan aliran MPV yang telah mendapat keputusan yang kurang memuaskan dalam peperiksaan SPM.

Dalam aspek perniagaan pula, kesemua graduan aliran MPV yang dihubungi melalui telefon dan yang ditemu bual, sedang menguruskan perniagaan ahli keluarga masing-masing. Hal ini merangkumi graduan aliran MPV yang berniaga mengikut atau tanpa mengikut bidang. Kumpulan graduan ini, berasa kurang yakin untuk memulakan perniagaan sendiri tanpa bantuan ahli keluarga, serta beranggapan bahawa mereka perlu mencari pengalaman berniaga terlebih dahulu, sebelum boleh memulakan perniagaan sendiri. Walaupun aspek keusahawanan diterapkan dalam setiap MPV, penekanan yang diberikan hanya pada tahap yang asas dan tidak memadai untuk memberikan keyakinan serta pengetahuan kepada para pelajar untuk memulakan perniagaan sendiri.

Terdapat pekerjaan dalam bidang MPV tertentu yang tidak berbentuk tetap dan berdasarkan kepada permintaan dan keadaan semasa, seperti musim perayaan. Hal ini menyebabkan pendapatan yang diperoleh daripada pekerjaan sementara ini adalah tidak stabil dan bergantung kepada permintaan semasa. Terdapat juga situasi di mana pekerjaan untuk graduan aliran MPV berbentuk tetap, namun gaji yang ditawarkan pula adalah rendah kerana graduan aliran MPV ini hanya berkelulusan SPM. Menurut Rohany (2008), pendapatan yang jauh lebih lumayan menjadi tarikan utama para graduan sesuatu pengkhususan memilih kerjaya yang berlainan daripada bidang pengkhususan yang telah dilatih. Hasil temu bual turut menunjukkan terdapat

graduan aliran MPV yang telah memilih untuk bekerja di kilang-kilang berhampiran kediaman mereka, untuk mendapatkan pekerjaan yang berbentuk tetap dengan gaji yang lebih lumayan.

Sembilan graduan (8.7%) aliran MPV dalam kajian ini didapati sedang menganggur. Selepas dua tahun pengajian berbentuk kemahiran pada peringkat menengah atas, para graduan ini seharusnya berupaya mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan bidang kemahiran yang telah dipelajari. Graduan aliran MPV dalam kumpulan ini didapati masih bergantung kepada ibu bapa atau ahli keluarga untuk membantu atau menyara mereka. Graduan dalam kumpulan ini yang ditemu bual turut menyatakan bahawa, mereka kurang berminat untuk menyambung pelajaran atau berniaga, namun bercadang untuk bekerja.

Menurut Sidek (2002), dalam sesetengah kes, terdapat individu yang ragu-ragu dan tidak pasti tentang dirinya, mereka selalunya tiada arah, matlamat dan motivasi. Hasil temu bual turut menunjukkan para graduan aliran MPV dalam kumpulan ini tidak mempunyai gambaran yang jelas mengenai perkara yang ingin mereka lakukan, serta tidak pasti mengenai minat kerjaya masing-masing. Mereka mengikuti aliran MPV kerana telah ditetapkan oleh pihak sekolah walaupun kurang meminati aliran MPV berkenaan. Pendekatan kaunseling kerjaya dengan ujian-ujian minat serta personaliti, dijangka dapat membantu para pelajar kumpulan ini dalam membuat keputusan kerjaya secara lebih rasional dan terarah.

KESIMPULAN

Status semasa graduan aliran MPV menunjukkan kebanyakan daripada mereka tidak bekerja, berniaga atau menyambung pelajaran mengikut bidang yang telah dipelajari. Permasalahan ini wujud kerana pelbagai faktor yang telah dinyatakan dan dibincangkan secara terperinci sebelum ini. Aspek input yang melibatkan proses pemilihan pelajar berdasarkan minat dan kecenderungan perlu diberi penekanan yang lebih serius dalam pemilihan pelajar mengikuti sesuatu bidang pengajian. Hal ini adalah untuk memastikan hanya pelajar yang benar-benar meminati dan mempunyai aspirasi kerja yang seiringan dengan program PTV ditawarkan, digalakkan mengikuti program berkenaan.

Ketiadaan suatu jambatan atau laluan kerjaya yang menghubungkan para graduan aliran MPV dengan alam pekerjaan, menyebabkan sejumlah besar daripada mereka, bekerja atau menyambung pelajaran tanpa mengikut bidang yang telah dipelajari. Negara-negara maju seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Kanada dan Australia menampakkan bukti yang jelas kejayaan mekanisme program pendidikan kerjaya apabila berupaya menghubungkan sekolah dengan alam pekerjaan (Amla, 2010). Sekiranya pelajar dapat membentuk aspirasi dan jangkaan kerjaya yang lebih realistik di peringkat sekolah, mereka akan mempunyai laluan kerjaya yang lebih jelas dan terarah (Shyamala et al., 2009).

Maklumat kerjaya dan peluang menyambung pelajaran perlu didedahkan kepada setiap pelajar yang mengikuti sesuatu aliran PTV. Kaunselor di sekolah perlu memainkan peranan penting dalam membantu pelajar dan ibu bapa mereka, apabila keputusan mengenai kerjaya perlu dilakukan (Grafton et al., 2008). Guru-guru PTV turut perlu memainkan peranan yang lebih menyeluruh dengan membimbing pelajar-pelajar mereka, mengenai peluang-peluang pekerjaan serta menyambung pengajian. Latihan atau kursus-kursus yang relevan berkaitan kerjaya serta pasaran pekerjaan terkini perlu sentiasa didedahkan kepada guru-guru PTV yang sedia ada. Guru-guru PTV turut perlu diberikan pendedahan dan panduan sewajarnya, dalam membimbing pelajar-pelajar mereka melanjutkan pengajian atau mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan aliran PTV yang telah diikuti.

RUJUKAN

- Ab. Rahim Bakar. 2011. *Preparing Malaysian Youths for the World of Work*. Inaugural Lecture. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ab. Rahim Bakar & Ivan Hanafi. 2007. Assessing Employability Skills of Technical-Vocational Students in Malaysia. *Journal of Social Sciences* 3(4): 202-207.
- Ahmad Sipon. 2001. Ucaptama : Halatuju dan Cabaran Pendidikan Vokasional di Sekolah Menengah Akademik. Seminar Kebangsaan Pendidikan Asas Vokasional. November 2001, Kuala Lumpur.
- Amla Mohd. Salleh. 2010. *Pendidikan Kerjaya dan Pembangunan Modal Insan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ary, D., Jacobs, L. C., & Sorenson, C. 2010. *Introduction to Research in Education* (8th Edition). Belmont: Thomson Wadsworth.
- Cochran, W.G. 1977. *Sampling Techniques*. New York: John Willey and Sons.
- Creswell, J. W. 2008. *Education Research : Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research (3rd Edition)*. New Jersey: Pearson Education, Inc.
- Deborah Rumsey. 2003. *Statistic for Dummies*. Indiana: Wiley Publishing, Inc.
- Grafton, T. Eliason., & John Patrick. 2008. *Career Development in the Schools* (editors). USA: Information Age Publishing, Inc.
- Gray, K., & Bae, S.H. 2009. Skills Shortages, Over-Education and Unemployed Youth: An International Dilemma. In *International Handbook of Education for the Changing World of Work*, R. Maclean, D.Wilson (editors). Netherlands: Springer.

- Green, S. B., Salkind, N. J. & Akey, T. M. 1997. *Using SPSS for Windows: Analyzing and Understanding Data*. New Jersey, Prentice Hall.
- Krejcie, R. V., Morgan, D. W. 1970. Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement* 30(3): 607-610.
- Kuijpers, M., Meijers, F., & Gundy, C. 2010. The Relationship Between Learning Environment and Career Competencies of Students in Vocational Education. *Jurnal of Vocational Behavior* 78 (2011): 21-30.
- Mohd Yusof Husain, Seri Bunian Mokhtar, Abdul Aziz Ahmad & Ramlee Mustapha. 2010. Importance of Employability Skills from Employer Perspective. *Procedia Social and Behavirol Sciences* 7(2010): 430-438.
- Nunnally, J. 1978. *Psychometric Theory*. New York: Mc Graw-Hill.
- OECD. 2003. *OECD Economies and the World Today: Trends, Prospects and OECD Statistic*. London: Kogan Pages and Contributors.
- Pallant, Julie. 2006. *SPSS Survival Manual* (3rd edition). New York: Mc Graw-Hill.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Laporan Awal) 2013-2025 (PPPM). 2012. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK). 2001. Sinopsis Mata Pelajaran Vokasional di Sekolah Menengah Akademik Harian Tahun 2002-2005. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK). 2003. Pelan Induk Mata Pelajaran Vokasional Sekolah Menengah Harian Tahun 2002-2005. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Rohana Abdul Rahim. 2010. Minat Kerjaya, Efikasi Kendiri Keputusan Kerjaya, Kemahiran Employability, dan Pilihan Kerjaya Pelajar Vokasional Pertanian di Semenanjung Malaysia. Tesis PhD. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Rohany Nasir. 2008. Kaunseling Kerjaya, *Anjakan daripada Konvensionalisme*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosini Abu & Fitrisehara Kazilan. 2008. Kesedaran Kemahiran Generik dalam Kalangan Pelajar Pendidikan Keguruan. Dlm. *Pendidikan Teknikal & Vokasional: Suatu Perspektif Umum*, disunting oleh Abdullah Mat Rashid, Mohd Ibrahim Nazri dan Ramlah Hamzah. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

- Secretary's Commission on Achieving Necessary Skills (SCANS). 1991. *What Work Requires Of Schools: A SCANS Report For America 2000*. USA: Department of Labor.
- Sidek Mohd Noah. 2002. *Perkembangan Kerjaya: Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Shyamala Nagaraj, Chew Sing Buan, Lee Kiong Hock & Rahimah Haji Ahmad. 2009. *Education and Work : The World Of Work*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Tin Sook Ting, Suhaida Abdul Kadir, Nor Hayati Hj Alwi & Zakaria Abdul Rahman. 2009. Tahap Kreativiti dalam kalangan Pelajar Mata Pelajaran Vokasional. Dlm. *Strategi Memperkasakan Pendidikan Teknikal & Vokasional*, disunting oleh Norhasni Zainal Abidin, Suhaida Abdul Kadir dan Arasinah Kamis. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Yahya Buntat, Zakaria Mohd. Yusof & Meor Ibrahim Kamaruddin. 2006. Kemahiran Employability: Tanggapan Guru Terhadap Penerapannya di Sekolah, Satu Kajian Kes. http://eprints.utm.my/2235/1/7_8.pdf (diakses pada 11 Januari 2013).

Profil Penulis:

Prakas Rao A/L Apparao

No. 68 Laluan Desa Putra 1, Villa MDP,
31400 Ipoh, Perak
019-5793451
prakassmi@gmail.com

Ab. Rahim Bakar, Ph.D.

Jabatan Pendidikan Sains dan Teknikal
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor.
arb@educ.upm.edu.my

Soaib B. Asimiran, Ph.D.

Jabatan Pendidikan Sains dan Teknikal
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor.
soaib@educ.upm.edu.my